

Sesi Penyerahan Surat Penempatan Dan Nota Serah Tugas Timbalan Setiausaha (Pengurusan), SPR

9 November 2023 – Sesi Penyerahan Surat Penempatan dan Nota Serah Tugas Timbalan Setiausaha (Pengurusan), SPR telah diadakan di Pejabat Setiausaha SPR, Aras 8, Menara SPR pada 9 November 2023. Encik Afizam bin Abdullah Sani, mantan Pengarah Pejabat Pilihan Raya Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditempatkan sebagai Timbalan Setiausaha (Pengurusan), SPR berkuat kuasa 27 Oktober 2023. Surat penempatan telah disampaikan oleh Dato' Indera Ikmalrudin bin Ishak, Setiausaha SPR. Seterusnya, sesi penyerahan tugas Timbalan Setiausaha (Pengurusan) telah dilaksanakan di mana Encik Suhaimi bin Hamid secara rasminya telah menyerahkan tugas Timbalan Setiausaha (Pengurusan) kepada En Afizam bin Abdullah Sani. Sesi ini merupakan simbolik kesinambungan tugas dalam perancangan hal ehwal pengurusan sumber manusia, kewangan dan pentadbiran Jabatan bagi membolehkan Jabatan menjalankan fungsi yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya. Warga SPR merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Encik Suhaimi bin Hamid atas segala jasa dan bakti sepanjang berkhidmat di SPR dan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Afizam bin Abdullah Sani atas penempatan sebagai Timbalan Setiausaha (Pengurusan).



